



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**THAIPUSAM CERMINKAN KESEPAKATAN RAKYAT MENGHORMATI
SAMBUTAN MASYARAKAT MAJMUK**

17 Januari 2022, Putrajaya – Dengan penuh keikhlasan saya mengucapkan selamat menyambut Thaipusam kepada semua rakyat Malaysia yang meraikannya.

2. Sambutan yang penuh bermakna bagi penganut Hindu untuk menunaikan nazar, memohon keampunan, keinsafan dan mengucapkan syukur.

3. Ketika kita masih berhadapan dengan cabaran, keutuhan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan segenap masyarakat jelas terbukti dengan kekuatan kita bersama-sama melalui pandemik COVID-19, situasi banjir dan pelbagai rintangan secara peribadi mahupun yang didepani bersama.

4. Sama-sama kita hayati, hargai persefahaman dan kesepakatan masyarakat majmuk dalam sambutan Thaipusam kali ini. Semoga sambutan ini mengukuhkan perpaduan antara rakyat Malaysia yang dikasihi.

5. Raikan Thaipusam dengan selamat dan patuhi SOP yang telah ditetapkan.

Selamat menyambut Thaipusam kepada semua penganut Hindu Keluarga Malaysia.

YB Datuk Halimah Mohamed Sadique

Menteri Perpaduan Negara

17 Januari 2022

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8(113)